

# Desa Harapan bawa perubahan

➔ Program dilancar April depan mampu tingkat kehidupan penduduk

Oleh Luqman Arif Abdul Karim

luqman.arif@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

**B**aling antara daerah di Kedah yang bakal menyaksikan perubahan menerusi pelancaran program Desa Harapan, April ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Harun, berkata setiap daerah mempunyai keunikan tersendiri yang berupaya digunakan sebagai penjana pendapatan, sekali gus berupaya mengubah keadaan kehidupan penduduk.

Sehubungan itu, katanya, antara gerak kerja awal yang akan dilaksanakan ialah dengan menyipkan profil kawasan di Baling bagi mengenal pasti teras 'kekuatannya', sama ada membabitkan industri pelancongan, perusahan hiliran dan sebagainya.

"Apabila kita merancang (program pembangunan) di daerah termiskin di Malaysia, Baling adalah antara kawasan yang akan diberi tumpuan, iaitu bukan sekadar kemudahan, tetapi pembangunan sosioekonomi.

"Kita faham apa yang terjadi di



Apabila kita merancang (program pembangunan) di daerah termiskin di Malaysia, Baling adalah antara kawasan yang akan diberi tumpuan, iaitu bukan sekadar kemudahan, tetapi pembangunan sosioekonomi."

Rina Harun,  
Menteri Pembangunan  
Luar Bandar

**Baling antara kawasan diberi tumpuan dari segi pembangunan dan sosioekonomi.**

Baling bukan berlaku dalam tempoh lapan bulan, sebaliknya terlalu lama, justeru Kementerian memandang serius hal ini.

## Garis kemiskinan tegar

"Saya difahamkan ramai penduduknya adalah penoreh getah dengan kadar pendapatan lebih sedikit saja daripada garis kemiskinan tegar, iaitu RM560 sebulan," katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas laporan BH mengenai keperitan penduduk Baling yang dibelenggu kemiskinan dan kejatuhan harga getah yang menjadi sumber utama pendapatan mereka.

Rina berkata, perancangan pembangunan di Baling menerusi program Desa Harapan kini giat di-

rangka, selain bakal menyaksikan kerjasama strategik dengan pelbagai syarikat swasta.

Menerusi projek perintis program berkenaan pada Disember tahun lalu, katanya, perangkaan syarikat swasta menyatakan minat untuk bekerjasama membangunkan sosioekonomi 17,000 kampung di seluruh negara semakin memberangsangkan.

"Ketika ini, kita ada 33 syarikat swasta yang akan menjalin kerjasama dengan merangka program dengan kampung berkaitan, demi meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

## Kenal pasti potensi

"Oleh itu, kita kena kenal pasti dulu apa potensi yang boleh dioptimumkan di Baling sebelum prog-

**Muka depan  
BH Ahad,  
semalam.**

ram berkaitan dirangka bagi menjana pendapatan penduduk setempat.

"Kalau dulu di Kampung Kinjang (kawasan projek perintis Desa Harapan di Perak), ia mempunyai keunikan dari aspek pelancongan,

selain industri pengeluaran telur masin.

"Jadi, kita akan gunakan acuan sama untuk membangunkan Baling, sekali gus mengubah persekitaran kehidupan mereka," katanya.

